



## PENGENALAN

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) adalah merupakan satu skim atau instrumen simpanan yang direka khas oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi tujuan pendidikan tinggi.

## POTONGAN GAJI SSPN

Potongan gaji SSPN merupakan kemudahan yang disediakan oleh PTPTN bagi membuat simpanan secara tetap dan berterusan pada setiap bulan.

Ianya bertujuan untuk menggalakkan ibu bapa/penjaga/warganegara Malaysia menyimpan untuk dirinya sendiri dan anak-anak dari pelbagai peringkat umur termasuk yang baru dilahirkan.

## KELEBIHAN POTONGAN GAJI SSPN

- Memudahkan simpanan secara tetap;
- Menjimatkan masa dan kos (tanpa perlu ke kaunter PTPTN atau ejen-ejen SSPN);
- Tiada caj atas pemotongan gaji; dan
- Menanam sikap jimat cermat serta melahirkan sikap budaya menabung.

## SIAPAKAH YANG LAYAK

- Kemudahan ini terbuka kepada kakitangan kerajaan, agensi swasta, badan berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Potongan gaji SSPN boleh dibuat untuk diri sendiri, ahli keluarga dan rakyat Malaysia yang lain.

## SYARAT-SYARAT POTONGAN GAJI SSPN

- Potongan minimum yang dibenarkan ialah RM20.00 sebulan bagi setiap akaun.
- Sebarang perubahan potongan gaji seperti:
  - Pecahan agihan potongan gaji yang baru
  - Penambahan/pengurangan potongan gaji
  - Penamatan potongan gaji

Hendaklah mengisi Borang Kebenaran/Penamatan Potongan Gaji Bulanan SSPN yang baru bagi membatalkan permohonan yang lama.

- Kod potongan gaji SSPN bagi kakitangan awam melalui Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) ialah 4433 manakala kakitangan kerajaan negeri adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Perbendaharaan Negeri berkaitan.
- Pengesahan majikan diperlukan sekiranya pihak majikan menetapkan syarat bahawa setiap potongan gaji hanya boleh dibuat selepas mendapat kelulusannya.

## BORANG POTONGAN GAJI SSPN

- Borang Kebenaran/Penamatan Potongan Gaji Bulanan SSPN boleh didapati di Ibu Pejabat PTPTN, kaunter perkhidmatan PTPTN di One Stop Center, KL Sentral atau boleh dicetak melalui laman web PTPTN di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).
- Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar :
  - Sesalinal kepada majikan; dan
  - Sesalinal kepada PTPTN di alamat :

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional  
Bahagian Simpanan Pendidikan  
Tingkat 6, Wisma Chase Perdana  
Off Jalan Semantan, Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur  
(u.p. : Unit Potongan Gaji)**

## KEISTIMEWAAN SSPN

BUTIRAN	KEISTIMEWAAN
Cukai pendapatan	Pelepasan diberikan ke atas simpanan bersih sehingga RM3,000 setahun bagi simpanan untuk anak-anak
Insurans *	Manfaat perlindungan insurans serta pampasan / khairat kematian diberikan secara percuma
Risiko	Jaminan Kerajaan
Kadar dividen / keuntungan	Dividen yang kompetitif
Cukai ke atas dividen / keuntungan	Pengecualian diberikan
Geran Sepadan *	Maksimum sehingga RM10,000 untuk satu keluarga

\* Tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh PTPTN